



## KENYATAAN MEDIA

### MENTERI MAFI Pengerusikan Dialog Dasar Menteri Mengenai Sekuriti Makanan APEC

PUTRAJAYA: Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee hari ini telah mempengerusikan Dialog Dasar Menteri Mengenai Sekuriti Makanan secara maya (*Virtual Ministerial Policy Dialogue On Food Security*), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) (Asean Pacific Economic Cooperation) secara maya.

Dialog ini dihadiri oleh 21 ekonomi (Negara) APEC serta organisasi swasta yang diwakili oleh *APEC Business Advisory Council* (ABAC).

Dialog turut disertai oleh YB Timbalan Menteri II MAFI Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Dialog yang dianjurkan buat pertama kalinya secara maya ini telah menyediakan platform untuk berkongsi pandangan mengenai strategi-strategi berkaitan polisi sekuriti makanan dalam menghadapi ancaman pandemik COVID-19 dan memastikan sekuriti makanan di rantau Asia Pasifik terus proaktif, berdaya tahan (resilient) dan mampan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dalam ucapan alu-aluannya berkata dialog ini memainkan peranan penting bagi ekonomi APEC untuk memperkukuhkan lagi usaha dan kerjasama dalam sekuriti makanan bagi menghadapi cabaran pasca COVID-19 serta dalam masa yang sama memastikan sistem makanan yang mampan di rantau ini.

Dialog ini juga telah menghasilkan pernyataan negara-negara ekonomi APEC untuk memudahkan aliran produk makanan dan pertanian merentasi sempadan, meminimumkan gangguan pada rangkaian bekalan makanan global dan memastikan hubungan perdagangan tetap terbuka untuk kelestarian sekuriti makanan serantau.

APEC juga menyedari peranan penting penggunaan teknologi digital dalam meningkatkan sekuriti makanan serta kemampuan dalam rangkaian bekalan sekiranya berlaku bencana alam atau pandemik pada masa akan datang.

Pernyataan ini selaras dengan pernyataan Ministers Responsible for Trade (MRT) yang telah dipersetujui oleh semua ekonomi pada Mei 2020 bertepatan dengan tema APEC 2020 "Optimising Human Potential Towards a Resilient Future of Shared Prosperity: Pivot. Prioritise. Progress."

Malaysia juga telah menyatakan pendirian bahawa kerjasama di peringkat APEC dalam sekuriti makanan perlu diperkukuhkan dalam bidang teknologi, inovasi dan

pembangunan kapasiti (capacity building) tambahan dalam keadaan pasca pandemik COVID-19.

Keutamaan perlu diberikan dalam meningkatkan daya tahan sistem makanan (improving resiliency of food systems), memastikan sumber makanan yang mampan (ensuring sustainable food resources) serta penggunaan teknologi dan digital ekonomi yang lebih menyeluruh dalam sektor pertanian.

Keutamaan ini akan memastikan bahawa negara-negara ekonomi APEC mampu menangani sebarang ketidaktentuan di masa hadapan.

Malaysia juga mengalu-alukan New Zealand atas persiapan negara tersebut sebagai tuan rumah secara maya dalam penganjuran APEC 2021 yang akan datang.

**KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN**  
**27 OKTOBER 2020**